



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- 1.0 (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S5**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : SOSIAL
- 1.1 (a) Jadual Gaji - Gred S5 : RM1,650.00 (minimum) - RM6,620.00 (maksimum)
- (b) Elaun :
Imbuan Tetap Khidmat Awam - RM160.00
Imbuan Tetap Perumahan - RM300.00
Bayaran Imbuan Sara Hidup - RM350.00
- 1.2 Syarat Lantikan:
- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat Prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00);
atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00);
atau
- (iii) Diploma dalam bidang Tahfiz Al-Quran, Pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,893.00)

- 1.3 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 1.4 Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab memproses permohonan pensijilan halal Malaysia dan menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan pengurusan halal dari semasa ke semasa.
- 1.5 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.6 Penempatan : Bahagian Pengurusan Halal,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

- 2.0 (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKANAN
GRED C5**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Sains
- 2.1 (a) Jadual Gaji - Gred S1 : RM1,974.00 (minimum) - RM4,680.00 (maksimum)
- (b) Elaun : Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM160.00
Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM350.00
- 2.2 Syarat Lantikan: (i) Diploma Teknologi Makanan atau Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C5: RM1,974.00).
- 2.3 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 2.4 Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab memproses permohonan pensijilan halal Malaysia dan menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan pengurusan halal dari semasa ke semasa.
- 2.5 Taraf Jawatan : Kontrak
- 2.6 Penempatan : Bahagian Pengurusan Halal,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

3.0 CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** melalui laman web.: www.mainpp.gov.my.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm.
- (c) Pemohon hendaklah **menulis nama jawatan yang dipohon pada penjuru kiri** atas sampul surat yang dihantar.
- (d) Permohonan yang berikut akan ditolak:
 - (i) Tidak menggunakan borang permohonan jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - (iv) Tidak disertakan gambar terkini berukuran passport.
 - (v) Tidak disertakan salinan Mykad, salinan Sijil Kelahiran, salinan Kelulusan Akademik (berkaitan permohonan) dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan.
 - (vi) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan beserta salinan Rekod Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
 - (vii) Tidak ditandatangani; dan
 - (viii) Lewat diterima

4.0 Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, 8 & 9, Menara JKP
No.128, Jalan Macalister 10400
PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **4 MEI 2026**

Catatan Am:

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada anak Negeri Pulau Pinang yang cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam.